



KERAJAAN TEMPATAN DIGESA LEBIH TELUS

Sempena dengan Persidangan Perhubungan Awam 2001 anjuran Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM), Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato Kamaruzzaman bin Shariff, telah meraikan 400 orang pengamal perhubungan awam termasuk pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi Mara di Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).




Presiden IPRM, Prof Datuk Hamdan bin Adnan, ketika menyampaikan ucapan di Majlis Makan Malam itu menegaskan agar DBKL dan kerajaan tempatan lain supaya lebih telus dalam pelaksanaan asas-dasar yang disediakan terutama oleh semua media.

Datuk Bandar Kuala Lumpur pula, dalam ucapannya telah menerangkan tanggungjawab dan aktiviti penting DBKL dalam mentadbirkan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tetamu-tetamu yang hadir di Majlis Makan Malam itu telah dipersembahkan dengan tarian dan kumpulan penari kebudayaan diiringi Kombo Kebudayaan DBKL.



Datuk Bandar Kuala Lumpur (tengah), bergambar dengan Prof. Datuk Hamdan bin Adnan, Presiden IPRM (empat dari kanan), dan sebahagian daripada pengamal-pengamal perhubungan awam.



Kerajaan Tempatan Digesa Lebih Telus	1
Tujuh Penasihat Jamat Tempoh	4
Haji Abu Bakar dan Haji Izman Bersara	5
Pegawai DBKL Terima Bintang	6
Tan Cheng Lock Dapat Tun	7
Kempen Kesedaran Kebersihan Sistem Saliran	8
Penyakit Sosial	10
<i>Social Ills</i>	11
Sambutan Hari PROSTAR Kebangsaan Meriah	12
DBKL Sertai Perarakan Maulidur Rasul 1422 Hijrah	15
Karnival Sukan DBKL	16
Tanamkan Semangat Perbaiki Kelemahan	18
<i>The Will to Overcome Weaknesses</i>	19
Minggu ICT	20
<i>ICT Week</i>	21
Sesi Perjumpaan Datuk Bandar dengan Pihak Media	22
DBKL Tubuh Majlis Pelancongan Kuala Lumpur	23
<i>The Mayor Meets The Media Session</i>	23
Peserta Kursus INTAN Lawat Perumahan Awam	24
Bank Data-Bencana Alam	26
Yang Berjasa Dihargai	28
Datuk Bandar Hadir Makan Malam Pesara-Pesara Kerajaan	29
Lokap Tambahan Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi	30
Tuk Dagang di Anjuk Dalam Citrawarna Malaysia	32

Penasihat :

Haji Izman Bin Haji Ismail

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Binti Haji Alias

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,

Jabatan Pengurusan Organisasi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

Zainon Binti Haji Alias

Tel: 03-2691 6011 samb. 3855

Faks: 03-2698 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta

DBKL tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Laman Web : <http://www.dbkl.gov.my>

E-Mel: dbkl@dbkl.gov.my

Rencana Pengarang

Selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua pembaca. Ramai yang beranggapan 1 Mei merupakan hari bercuti dan beristirahat, sama seperti hari-hari cuti umum yang lain.

Hari Pekerja diraikan kerana negara menghargai dan mengiktiraf sumbangan pekerja kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Sambutan yang bertemakan K-Pekerja Pemangkin Kecemerlangan Negara ini menggalakkan pekerja supaya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan baru terutamanya dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat.

Pekerja yang berpengetahuan akan menjadi lebih mahir, cekap serta mampu menangani apa juga krisis. Pekerja inilah menjadi aset kepada organisasi dan negara. Sekiranya pekerja gagal menguasai ilmu, negara dan masyarakat akan menanggung kesannya seperti peningkatan pengangguran dan penurunan ekonomi negara.

Organisasi pula haruslah merancang pembangunan sumber manusia seiring dengan keperluan dunia yang semakin kompetitif.

Jadi, dalam memperkatakan sumbangan pekerja ini, Hari Pekerja membawa makna yang tersendiri kepada pekerja yang gigih bersama membantu ekonomi negara.